

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai dana khas untuk menaikkan harga getah demi membela nasib pekebun kecil dan bagaimanakah kaedah pelaksanaannya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah ketidakstabilan harga getah yang mana telah menjejaskan pendapatan pekebun kecil. Untuk itu, Kerajaan tidak mempunyai dana khusus untuk menaikkan harga getah.

Bagaimanapun, Kerajaan telahpun melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015. IPG bertujuan untuk mengurangkan beban pekebun kecil getah kesan daripada penurunan harga getah, selain memastikan bekalan bahan mentah berterusan kepada sektor pemprosesan getah dan hiliran demi kemampanan industri getah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mulai tahun 2016, Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG adalah apabila harga getah gred SMR20 *Free on Board* (FOB) pada paras RM5.50 sekilogram atau pada paras RM2.20 sekilogram bagi harga *cuplump*. Insentif yang disediakan adalah perbezaan di antara harga pasaran dengan harga PHP. Langkah ini akan membolehkan pekebun kecil dengan produktiviti *cuplump* 3,000 kilogram/hektar/tahun dan purata milikan tanah 2 hektar, menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100. Sehingga September 2016, bilangan permohonan tuntutan IPG adalah sebanyak 349,248 yang melibatkan pembayaran sebanyak RM50.98 juta kepada pekebun kecil getah di seluruh negara. Bagi

membiayai IPG, Kerajaan telah peruntukkan dana sebanyak RM200 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di samping itu, Kerajaan juga melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang melalui penetapan margin perniagaan iaitu harga di antara SMR20 FOB dan harga yang diterima oleh pekebun kecil mulai November 2014. Mekanisme ini melibatkan penyertaan sebanyak 64 buah koperasi dalam urus niaga getah dan tujuannya adalah untuk mengurangkan peranan orang tengah. Bagi maksud ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urus niaga jual beli getah. Setakat ini, sebanyak 18 koperasi sedang terlibat dalam urusniaga getah dan menawarkan pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah berlesen.

Sekian, terima kasih.